

## **Perkukuhkan kedudukan BN**

### **Utusan Online**

**12 April, 2013**

PAGOH 11 April - Tan Sri Muhyiddin Yassin berharap tidak akan timbul sebarang isu atau krisis dalam Barisan Nasional (BN) pada hari penamaan calon 20 April sehinggalah hari pembuangan undi 5 Mei ini bagi mengelak sebarang gangguan kepada tumpuan memenangi Pilihan Raya Umum Ke-13.

Menurut Timbalan Perdana Menteri, semua pihak terutama jentera parti sudah bekerja keras sejak beberapa tahun lalu dan apa yang harus dilakukan ketika ini ialah memperkukuh kedudukan BN.

"Semua parti komponen BN sudah bekerja keras siang dan malam, begitu juga Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak sejak mengambil alih pentadbiran negara bekerja siang dan malam.

"Dalam tempoh empat tahun ini banyak usaha yang sudah memberi impak besar kepada semua tidak kira Melayu, Cina, India, Orang Asli, Kadazan, Murut, Siam atau Iban. Semua dapat nikmat yang besar," katanya.

Beliau berucap merasmikan Majlis Pelancaran dan Perhimpunan Jentera Pilihan Raya BN Parlimen Pagoh di padang Kompleks Sukan Pagoh, di sini hari ini.

Yang turut hadir, isteri beliau, Puan Sri Noorainee Abdul Rahman; Pengarah Jentera Pilihan Raya Parlimen Pagoh, Datuk Tahir Ta'at yang juga penyandang kerusi Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bukit Serampang dan pemimpin-pemimpin parti komponen BN Pagoh.

Muhyiddin yang juga penyandang kerusi Parlimen Pagoh berkata, perjuangan memenangi pilihan raya umum akan datang boleh dianggap jihad kerana BN menentang sebarang bentuk kemungkarannya yang cuba dibawa pembangkang sekiranya berkuasa.

Antaranya, kata beliau, BN dapat mengekang budaya songsang dan cubaan menghalalkan budaya lesbian, gay, biseksual dan transgender (LGBT) serta pluralisme dan liberalisme agama yang boleh membawa negara ini kepada kehancuran.

Sebaliknya, tegas Muhyiddin, pembangkang akan menggunakan apa sahaja strategi dan pendekatan populis menarik sokongan dalam pilihan raya umum akan datang serta berbohong kepada rakyat.

"Mereka ini gila kuasa, berpakat sesama sendiri macam sebulu tapi sebenarnya banyak bulu, tidur sebantol tapi mimpi lain, ada yang nak naik roket ke bulan.

"Yang ada hanya agenda pemimpin mereka. Manifesto mereka hanya 15 peratus betul, mereka kata bukan janji dan tak perlu tunaikan, apa rakyat mahu mereka janji bagi, mereka hanya populis dan berbohong kepada rakyat," katanya.

Sementara itu, Muhyiddin ketika berucap merasmikan Klinik Kesihatan Bukit Serampang, di Durian Chondong, Ledang, berkata, rakyat perlu memberi mandat kepada BN untuk membentuk semula kerajaan selepas pilihan raya ini.

Menurut beliau, kepimpinan BN sudah terbukti kejayaannya sejak puluhan tahun lalu dan boleh dilihat melalui rekod kejayaan dalam semua bidang terutama ekonomi, pendidikan, kesihatan dan pembangunan.

Kata beliau, BN juga mempunyai rekod cemerlang, keupayaan, kesungguhan dan kemampuan menepati segala janji yang dibuat seperti dibuktikan selama ini.

"Jadi sokonglah calon-calon BN supaya kita dapat bentuk semula (kerajaan) dan segala agenda yang kita aturkan bukan sahaja dapat dilaksanakan tetapi akan meletakkan Malaysia di satu ambang kejayaan lebih besar," tegasnya.

Artikel

Penuh: [http://www.utusan.com.my/utusan/Dalam\\_Negeri/20130412/dn\\_02/Perkukuhkan-kedudukan-BN#ixzz2a00120iF](http://www.utusan.com.my/utusan/Dalam_Negeri/20130412/dn_02/Perkukuhkan-kedudukan-BN#ixzz2a00120iF)

© Utusan Melayu (M) Bhd